

PUBLIC ISLAMIC GLOBAL SUSTAINABLE GROWTH FUND (PUBLIC DANA GLOBAL TUMBUH LESTARI ISLAMIK) (PISGSGF)

PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Helaian Penting Produk ini telah diteliti dan diluluskan oleh pengarah-pengarah Public Mutual Berhad dan mereka secara bersama dan berasingan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang ketinggalan yang akan menjadikan sebarang kenyataan di dalam Helaian Penting Produk ini palsu atau mengelirukan.

PENYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan penerbitan PISGSGF dan satu salinan Helaian Penting Produk ini telah diserah simpan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran yang diberikan untuk PISGSGF dan penyerahan simpanan Helaian Penting Produk ini, tidak harus dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan PISGSGF, atau bertanggungjawab untuk ketepatan kenyataan atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Helaian Penting Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketakdedahan bagi pihak Public Mutual Berhad, yang bertanggungjawab untuk PISGSGF dan tidak mengambil tanggungjawab ke atas kandungan Helaian Penting Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mengesahkan ketepatan atau kesempurnaan Helaian Penting Produk ini, dan secara jelas menolak sebarang liabiliti yang terbit daripada atau bersandarkan kepada seluruh atau mana-mana bahagian kandungannya.

Helaian Penting Produk ini adalah terjemahan daripada versi Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan kandungan, Helaian Penting Produk versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad.

HELAIAN PENTING PRODUK

Helaian Penting Produk (PHS) ini hanya memaparkan ciri-ciri utama dan risiko dana amanah saham ini. Pelabur adalah dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami prospektus dana sebelum membuat keputusan untuk melabur.

PISGSGF telah disahkan sebagai patuh Syariah oleh Penasihat Syariah yang dilantik untuk dana.

PISGSGF adalah Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab yang layak di bawah Garis Panduan Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab.

MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

Apakah produk ini?

Jenis produk	Dana amanah saham
Modal dilindungi atau dijamin	Tidak
Pengurus dana	Public Mutual Berhad
Pemegang amanah dana	AmanahRaya Trustees Berhad
Penasihat Syariah dana	ZICO Shariah Advisory Services Sdn. Bhd.
Pengedara dana	Perunding skim amanah saham Public Mutual Berhad

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

Apakah yang saya melabur?

Kategori dana	Ekuiti (patuh Syariah)	
Objektif dana	Untuk mencapai pertumbuhan modal dalam jangka panjang. <i>Nota: Jangka panjang merujuk kepada tempoh lebih daripada 5 tahun.</i>	
Alokasi aset	Saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah	75% hingga 98% daripada nilai aset bersih (NAB)
	Instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam	2% hingga 25% daripada NAB dana

Apakah yang saya melabur? (samb')

Alokasi aset (samb')	<p>Sehingga 25% daripada NAB dana boleh dilaburkan dalam dana dagangan bursa Islam yang layak Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan skim pelaburan kolektif Islam yang tidak tersenarai yang menjelaki indeks ESG.</p> <p>Dana ini akan melabur dalam saham patuh Syariah syarikat-syarikat yang menggabungkan pertimbangan ESG dalam amalan perniagaan mereka.</p> <p><i>Jika prospek pasaran ekuiti tidak menggalakkan, pendedahan saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah boleh dikurangkan ke paras yang lebih rendah daripada julat yang dinyatakan di atas manakala pendedahan terhadap instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam boleh ditingkatkan, dengan syarat sekurang-kurangnya 2/3 daripada NAB dana dilaburkan dalam instrumen patuh Syariah yang tertakluk kepada pertimbangan ESG*, sebagai strategi defensif sementara.</i></p> <p>* Sekiranya pelaburan dana dalam instrumen ESG patuh Syariah jatuh ke bawah paras 2/3 daripada NABnya, dana akan membetulkan pelanggaran tersebut dalam tempoh masa yang sesuai tidak melebihi 3 bulan dari tarikh pelanggaran.</p>		
	<table border="1"> <tr> <td>Aset asing patuh Syariah</td> <td>Sehingga 98% daripada NAB dana</td> </tr> </table>	Aset asing patuh Syariah	Sehingga 98% daripada NAB dana
Aset asing patuh Syariah	Sehingga 98% daripada NAB dana		
Lokasi aset	<ul style="list-style-type: none"> • Amerika Syarikat • United Kingdom • Jerman • Perancis • Belanda • Switzerland • Sepanyol • Itali • Luxembourg • Australia • New Zealand • Mana-mana pasaran asing terpilih lain <ul style="list-style-type: none"> • Korea Selatan • China • Jepun • Hong Kong • Taiwan • Malaysia • Singapura • Filipina • Thailand • Indonesia 		
Pendekatan pelaburan	<p>Saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh syariah</p> <p>Dana akan melabur dalam sekuriti ESG patuh Syariah yang layak yang merangkumi ahli indeks ESG*, syarikat yang dianggap layak ESG berdasarkan penarafan ESG oleh penyedia perkhidmatan atau berdasarkan penilaian dalaman oleh Pengurus.</p> <p>* Indeks ESG merujuk kepada indeks ESG yang disediakan oleh penyedia indeks antarabangsa seperti S&P Dow Jones Indices LLC, MSCI Limited dan FTSE International Limited.</p> <p>Penilaian dalaman terhadap pertimbangan ESG yang digunakan oleh syarikat-syarikat di mana dana melabur meliputi perkara-perkara berikut:</p> <p>(a) Alam Sekitar</p> <p>Pertimbangan alam sekitar merangkumi semakan terhadap pendedahan oleh syarikat di mana dana melabur, mengenai pelepasan, sisa & efluen, dan penggunaan air & tenaga.</p> <p>(b) Sosial</p> <p>Pertimbangan sosial merangkumi semakan terhadap dasar-dasar syarikat di mana dana melabur, berkenaan dengan kepelbagaiannya, hak asasi manusia dan amalan buruh.</p> <p>(c) Tadbir Urus</p> <p>Pertimbangan tadbir urus merangkumi semakan terhadap syarikat di mana dana melabur, berkaitan tanggungjawab lembaga pengarah, interaksi dengan pihak berkepentingan, dan pendedahan serta ketelusan.</p> <p>Berdasarkan penilaian dalaman Pengurus, syarikat-syarikat yang mencapai skor sekurang-kurangnya 50 mata (daripada 100 mata) dianggap sebagai saham yang layak ESG.</p>		

Apakah yang saya melabur? (samb')

Pendekatan pelaburan (samb')	<p>Saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh syariah (samb')</p>	<p>Dana ini juga akan menggunakan pendekatan bawah ke atas dalam proses pemilihan saham patuh Syariah atau sekuriti yang setara dengan saham patuh Syariah, yang bergantung kepada penyelidikan asas di mana keadaan kewangan, prospek industri, kualiti pengurusan dan rekod prestasi syarikat masa lalu akan dinilai.</p> <p>Dana ini akan melabur dalam juzuk-juzuk indeks patuh Syariah dan juzuk-juzuk indeks ESG lain selepas melaksanakan perlapisan dengan saringan Syariah bagi memastikan pelaburan dalam saham oleh dana adalah patuh Syariah. Untuk pemilihan saham berdasarkan penilaian dalaman, Pengurus akan memastikan status saham adalah patuh Syariah dan seterusnya melaksanakan perlapisan saham dengan penilaian dalaman ESG berdasarkan kriteria yang disebut di atas.</p> <p>Pertimbangan ESG untuk pelaburan dana ini akan disemak secara bulanan untuk memastikan ia selaras dengan objektif dana dan impak keseluruhan pelaburan tersebut tidak bercanggah dengan pertimbangan kelestarian lain.</p> <p>Apabila syarikat di mana dana melabur tidak lagi memenuhi kriteria sebagai sekuriti patuh Syariah yang layak ESG, dana boleh mempertimbangkan untuk mengekalkan pelaburan tersebut jika terdapat maklumat yang mencukupi bahawa syarikat tersebut mempunyai strategi yang sesuai untuk meningkatkan amalan ESGnya. Jika terdapat kekurangan maklumat daripada syarikat di mana dana melabur tentang usaha untuk memperbaiki kedudukan ESGnya, dana akan melaksanakan proses penglibatan korporat.</p> <p>Jika langkah-langkah yang dilaksanakan oleh syarikat di mana dana melabur dianggap tidak mencukupi atau pihak pengurusan syarikat tersebut tidak bercadang untuk menangani isu-isu ESG yang material yang dibangkitkan atau enggan bekerjasama dengan Pengurus, dana akan melupuskan pelaburannya secepat mungkin dalam tempoh masa yang sesuai yang tidak melebihi 3 bulan dari tarikh saham tersebut bukan lagi sekuriti ESG patuh Syariah yang layak, tertakluk kepada kecairan dasar sekuriti yang tersebut.</p>
	Skim pelaburan kolektif Islam	<p>Dana ini akan melabur dalam dana dagangan bursa Islam yang layak ESG dan skim pelaburan kolektif Islam tidak tersenarai yang menjelaki indeks ESG. Kesesuaian skim pelaburan kolektif Islam ini akan dinilai menurut metodologi ESG dasarnya untuk memastikan ianya selaras dengan strategi pelaburan dana.</p> <p>Skim pelaburan kolektif Islam ini akan disemak apabila terdapat perubahan pada metodologi ESGnya untuk memastikan ianya konsisten dengan objektif serta strategi dana dan memastikan kesan keseluruhan pelaburan tersebut adalah tidak bercanggah dengan pertimbangan ESG lain.</p> <p>Jika dana dagangan bursa Islam yang layak ESG dan skim pelaburan kolektif Islam tidak tersenarai di mana dana melabur bukan lagi layak ESG, dana akan melupuskan pelaburannya secepat mungkin dalam tempoh masa yang sesuai tidak melebihi 3 bulan dari tarikh pelaburan tersebut tidak lagi layak ESG.</p>
	Instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam	<p>Alokasi aset untuk instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam akan bergantung kepada tren kadar faedah dan keadaan kecairan pasaran.</p> <p>Dana ini akan melabur dalam instrumen pasaran wang Islam/deposit Islam dengan institusi kewangan domestik dan asing seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Instrumen pasaran wang Islam/deposit Islam yang menggabungkan pertimbangan ESG dalam produk mereka;

Apakah yang saya melabur? (samb')

Pendekatan pelaburan (samb')	<p>Instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam (samb')</p> <p>(ii) Instrumen pasaran wang Islam/deposit Islam yang diterbitkan oleh institusi kewangan (atau anak syarikatnya) dengan skor ESG yang termasuk dalam separuh bahagian teratas skala sebagaimana yang diperuntukkan oleh penyedia perkhidmatan ESG seperti FTSE Russell dan RAM Sustainability Sdn Bhd. Sebagai contoh, dana ini akan melabur dalam instrumen pasaran wang Islam/deposit Islam yang diterbitkan oleh institusi kewangan (atau anak syarikatnya) dengan skor ESG 2.5 mata atau lebih tinggi (daripada 5 mata) seperti yang dinilai oleh FTSE Russell. Skor ESG dinyatakan melalui skala numerik dari 1 hingga 5, dengan skor yang lebih tinggi menunjukkan risiko ESG yang lebih rendah; dan</p> <p>(iii) Penilaian dalaman oleh Pengurus</p> <p>Penilaian dalaman oleh Pengurus untuk instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam adalah berdasarkan model ESG dalaman ini direka dengan merujuk kepada Bursa Malaysia's Sustainability Reporting Guide serta Malaysian Code of Corporate Governance 2021. Ia menggunakan pendekatan bawah ke atas dalam proses penilaian untuk memperoleh penarafan ESG. Penarafan ESG bagi sesebuah syarikat diperoleh daripada 3 tonggak iaitu Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus.</p> <p><u>Alam Sekitar</u></p> <p>Dalam tonggak Alam Sekitar, 12 tema alam sekitar terdiri daripada tema alam sekitar dan ekonomi yang berkaitan yang merujuk kepada Bursa Malaysia's Sustainability Reporting Guide:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Risiko dan peluang kewangan berkaitan iklim 2. Pelepasan 3. Sisa dan bahan efluen 4. Air 5. Tenaga 6. Biodiversiti 7. Rantaian Bekalan (Alam Sekitar) 8. Tanggungjawab Produk dan Perkhidmatan (Alam Sekitar) 9. Bahan 10. Pematuhan (Alam Sekitar) 11. Pemuliharaan Tanah, Pencemaran atau Degradasi 12. Pinjaman Bertanggungjawab / Lestari <p><u>Sosial</u></p> <p>Dalam tonggak Sosial, 12 tema sosial terdiri daripada tema sosial dan ekonomi yang berkaitan, yang merujuk kepada Bursa Malaysia's Sustainability Reporting Guide:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kepelbagaian 2. Hak Asasi Manusia 3. Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 4. Tindakan Anti-Persaingan 5. Anti-Rasuan 6. Amalan Buruh 7. Masyarakat 8. Kesan Ekonomi Tidak Langsung 9. Pelaburan Komuniti 10. Tanggungjawab Produk dan Perkhidmatan (Sosial) 11. Rantaian Bekalan (Sosial) 12. Pematuhan (Sosial)
-------------------------------------	--

Apakah yang saya melabur? (samb')

Pendekatan pelaburan (samb')	Instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam (samb')	<p>Tadbir Urus</p> <p>Dalam tonggak Tadbir Urus, terdapat 7 tema tadbir urus terdiri daripada prinsip dan garis panduan yang ditetapkan dalam Malaysian Code of Corporate Governance 2021:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tanggungjawab Lembaga 2. Komposisi Lembaga 3. Imbuhan 4. Jawatankuasa Audit 5. Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam 6. Penglibatan dengan Pihak Berkepentingan 7. Pendedahan dan Ketelusan <p>Syarikat-syarikat penerima pelaburan dinilai berdasarkan pendedahan maklumat mereka yang berkaitan dengan tema yang dinyatakan di atas dan hasil amalan ESG mereka.</p> <p>Dana juga boleh melabur dalam instrumen pasaran wang Islam dan deposit Islam tidak layak ESG yang bertujuan untuk kecairan.</p>
Penanda aras	<p>Penanda aras dana ialah indeks penanda aras komposit berikut yang terdiri daripada:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 90% Indeks Syariah S&P Global 1200 ESG • 10% Pasaran Wang Antara Bank Islam 3 Bulan (kadar IIMM 3 Bulan) <p>Maklumat berkenaan penanda aras boleh diperoleh daripada sumber berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Indeks Syariah S&P Global 1200 ESG – S&P Dow Jones Indices, LLC. • Kadar IIMM 3 Bulan – Bahagian perniagaan dalam akhbar harian. <p>Oleh sebab dana ini diuruskan secara aktif dan pemegangannya mungkin berbeza daripada penanda arasnya, profil risiko dana adalah tidak sama dengan profil risiko penanda aras.</p> <p>Prestasi dana dan penanda arasnya boleh diperoleh di laman web kami di www.publicmutual.com.my.</p> <p>Penanda aras digunakan hanya untuk tujuan mengukur prestasi kewangan dana. Sebarang perubahan penanda aras dana akan dikemaskini di laman web kami dan/atau PHS dana.</p>	

KESESUAIAN PRODUK**Siapakah yang sesuai untuk dana ini?**

Profil pelabur	Dana ini sesuai untuk pelabur jangka panjang yang ingin mencapai pertumbuhan modal jangka panjang melalui pelaburan dalam saham-saham patuh Syariah syarikat yang menggabungkan pertimbangan ESG.
-----------------------	---

RISIKO-RISIKO UTAMA**Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?**

Risiko pasaran	Risiko pasaran merujuk kepada kemungkinan pelaburan akan kehilangan nilai akibat penurunan umum dalam pasaran kewangan yang disebabkan oleh keadaan ekonomi, politik dan/atau lain-lain faktor yang akan menyebabkan penurunan dalam NAB dana.
Risiko sekuriti tertentu	Harga sesuatu sekuriti tertentu mungkin berubah sebagai tindak balas kepada keadaan yang memberi kesan kepada syarikat individu. Oleh itu, penggerakan harga yang buruk sesuatu sekuriti tertentu di mana dana melabur boleh menjelaskan NAB dan harga unit dana.
Risiko kecairan	Risiko kecairan merujuk kepada mudahnya untuk mencairkan aset bergantung kepada jumlah aset yang diniagakan di pasaran. Jika dana melabur dalam aset yang tidak cair atau yang sukar untuk dilupuskan, nilai dana akan menerima kesan negatif apabila aset tersebut terpaksa dijual pada harga yang kurang memuaskan.

Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini? (samb')

Risiko mata wang	Jika dana melabur dalam aset yang diukur dalam mata wang asing, dana mungkin akan terdedah kepada risiko turun naik mata wang. Jika nilai mata wang di mana pelaburan didenominasi menyusut berbanding dengan mata wang tempatan, NAB dana boleh terjejas begitu juga sebaliknya. Bagi mengurangkan risiko tersebut, dana ini boleh menggunakan strategi perlindungan nilai. Walau bagaimanapun, dana tidak akan mendapat manfaat daripada sebarang potensi peningkatan jika mata wang bergerak ke arah yang bertentangan dengan strategi lindungi nilai.
Risiko negara	Pelaburan dana di sesebuah negara mungkin akan terjejas oleh perubahan keadaan ekonomi dan politik, sekatan penghantaran balik mata wang atau perkembangan lain dalam undang-undang atau peraturan negara di mana dana melabur. Sebagai contoh, keadaan ekonomi sesebuah negara yang merosot boleh memudaratakan nilai pelaburan dana di negara-negara tersebut. Ini seterusnya boleh menyebabkan NAB dana atau harga unit jatuh.
Risiko pelaburan ESG	Dana ini melabur dalam sekuriti ESG patuh Syariah. Semasa semakan bulanan yang dijalankan oleh Pengurus, sekuriti yang dilabur oleh dana pada masa kini mungkin diklasifikasikan semula sebagai tidak patuh ESG dan boleh memberi kesan kepada pertimbangan ESG dana. Jika ini berlaku, Pengurus akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan pegangan sekuriti tersebut seperti yang dinyatakan dalam pendekatan pelaburan. Sekuriti ESG tidak patuh Syariah tersebut akan dilupuskan dan pelaburan semula akan dilakukan dalam jangka masa yang sesuai tidak melebihi 3 bulan dari tarikh pelanggaran bagi memastikan, sekurang-kurangnya dua pertiga (2/3) daripada NAB dana dilaburkan dalam instrumen patuh Syariah yang tertakluk kepada pertimbangan ESG.
Risiko ketidakpatuhan dengan keperluan Syariah	Risiko ini merujuk kepada risiko di mana kemungkinan saham patuh Syariah yang dilabur oleh dana dikategorikan semula sebagai tidak patuh Syariah semasa kajian semula secara berkala ke atas saham yang dijalankan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Penasihat Syariah atau lembaga Syariah indeks Islam yang berkaitan. Jika ini berlaku, Pengurus akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan saham tersebut. Mungkin terdapat kerugian melepas ke atas dana kerana dana tidak dibenarkan untuk menyimpan lebihan keuntungan modal yang diperoleh daripada pelupusan saham tidak patuh Syariah tersebut. Nilai dana mungkin terjejas sekiranya pelupusan saham tidak patuh Syariah dilaksanakan pada harga yang lebih rendah daripada kos pelaburan.

Anda dinasihatkan untuk membaca prospektus dana dan memahami risiko yang terlibat dan, jika perlu, berunding dengan penasihat profesional anda sebelum melabur.

YURAN & CAJ**Apakah yuran dan caj yang terlibat?**

Caj jualan	Sehingga 5.0% daripada NAB seunit. <i>Pengurus boleh mengikut budi bicaranya untuk mengenakan caj jualan yang lebih rendah</i>
Caj penebusan	Tiada

Apakah yuran dan caj yang terlibat? (samb')

Caj tukar ganti	Ke Dana Penerima Tukar ganti Keluar/(Keluar)	Dana Ekuiti / Aset Campuran / Seimbang	Dana Sukuk / Bon / Pendapatan Tetap	Dana Pasaran Wang
Dalam masa 90 hari:				
	- Unit beban - Unit beban separa	Sehingga 0.75%* Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.75%* Sehingga 0.50%*	Sehingga 0.75%* Sehingga 0.50%*
Selepas 90 hari:				
	- Unit beban - Unit beban separa	Sehingga RM50 Sehingga 0.50%*	Sehingga RM50 Sehingga 0.50%*	Tiada Tiada
Nota:				
<ul style="list-style-type: none"> Unit beban ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 3% atau lebih melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang. Unit beban separa ialah unit yang dikenakan caj jualan kurang daripada 3% melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang. 				
* Tertakluk kepada minimum RM50, yang mana lebih tinggi.				
Caj pemindahan	Sehingga RM50 setiap pemindahan.			
Yuran pengurusan	1.80% setahun daripada NAB.			
Yuran pemegang amanah	0.06% setahun daripada NAB, tertakluk kepada yuran minimum sebanyak RM18,000 dan yuran maksimum sebanyak RM600,000 setahun.			

Nota: Yuran dan caj di atas mungkin tertakluk kepada sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan (jika ada) yang perlu dibayar oleh anda.

Terdapat yuran dan caj yang terbabit dan anda dinasihatkan mempertimbangkannya sebelum membuat pelaburan dalam dana.

MAKLUMAT TAMBAHAN**Penilaian**

NAB dana ini dikira dan harga unit disiarkan pada setiap hari urus niaga di www.publicmutual.com.my.

Pembelian dan penebusan unit

Anda boleh membeli dan menebus unit dana pada mana-mana hari urus niaga pada NAB dana yang ditentukan seterusnya.

Pelaburan permulaan

- Pelaburan permulaan minimum*: RM1000.
- Pelabur yang merupakan pelanggan Public Mutual Online (PMO) boleh membeli unit dana secara dalam talian.
- Sekiranya anda bukan pelanggan PMO, anda juga boleh mendaftar untuk menjadi pelanggan PMO secara dalam talian di laman web kami atau melalui kios Pintar Kami yang terletak di cawangan kami atau di Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di Pusat Membeli-belah 1 Utama.
- Jika sebaliknya, sila hantarkan borang permohonan pelaburan yang lengkap bersama-sama dengan cek kepada mana-mana cawangan Public Bank Berhad.
- Untuk pelabur kali pertama Public Mutual Berhad, anda dikehendaki mengisi borang pelabur baharu.

Pelaburan tambahan

- Pelaburan tambahan minimum*: RM100.
- Anda boleh melabur secara berkala melalui PMO, arahan debit terus kepada bank atau dengan membuat deposit cek ke dalam akaun kutipan yang terdapat di Public Bank Berhad.

Nota: * Pengurus boleh mengubah jumlah minimum pelaburan permulaan dan tambahan dari masa ke semasa.

Pembelian dan penebusan unit (samb')	
	Bagaimana Anda Perlu Menulis Cek
	Cek mestilah dibayar kepada:
Pelabur Individu 	"Public Mutual Berhad - Nombor Kad Pengenalan Baharu Pemegang Pertama".
Pelabur Korporat 	"Public Mutual Berhad - Nombor Pendaftaran Syarikat Anda".
<p>Sila tulis nama, nombor kad pengenalan baharu/nombor pasport/nombor pendaftaran syarikat dan nombor telefon anda di belakang cek.</p> <p><u>Hak bertenang</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Hanya untuk pelabur individu kali pertama Public Mutual Berhad. • Permintaan anda mesti dihantar sama ada kepada Ibu Pejabat Public Mutual Berhad atau mana-mana pejabat cawangannya dalam tempoh 6 hari urus niaga dari tarikh borang permohonan pelaburan dan bayaran diterima oleh Public Mutual Berhad. • Bayaran balik akan dibayar dalam tempoh 7 hari urus niaga dari tarikh perlaksanaan hak ini. • Bayaran balik bagi setiap unit yang dilabur adalah jumlah harga unit (iaitu harga asal pada hari unit dibeli atau harga pasaran pada titik pelaksanaan hak bertenang, yang mana yang lebih rendah) dan caj jualan yang dikenakan (dan sebarang cukai dan/atau duti yang diguna pakai, jika ada) pada hari unit dibeli. • Kakitangan Pengurus dan individu yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk berurus niaga dalam dana amanah saham tidak layak untuk hak bertenang ini. <p><u>Penebusan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Unit penebusan minimum: 1,000 unit. • Anda boleh melaksanakan permohonan penebusan anda melalui PMO atau dengan mengisi dan menyerahkan borang penebusan pada mana-mana hari urus niaga kepada pejabat cawangan Public Mutual Berhad yang terdekat atau Ibu Pejabat Public Mutual Berhad. • Hasil penebusan anda akan dibayar dalam tempoh 7 hari urus niaga dari tarikh penerimaan permohonan anda. Jika penebusan separa menyebabkan baki di dalam akaun anda kurang daripada 1,000 unit, Pengurus boleh menebus keseluruhan akaun. 	
ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI UNTUK PELABURAN	
	PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM DAN KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD TIDAK DIBENARKAN MENERIMA PELABURAN DALAM BENTUK TUNAI DALAM APA JUA KEADAAN. <p>Public Mutual Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung sekiranya anda memberi wang tunai kepada perunding skim amanah saham atau kakitangan kami.</p>
	ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI KEPADA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.
	ANDA DILARANG MEMBUAT DEPOSIT ATAU PINDAHAN KE AKAUN BANK PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.
	ANDA DILARANG MENGELOUARKAN CEK DI ATAS NAMA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.

APA YANG ANDA PERLU TAHU

Dana ini bukan dana jaminan modal atau lindungan modal.

Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin turun atau naik.

Prestasi dana pada masa lalu tidak menjadi petunjuk untuk prestasi masa hadapan.

Apabila pecahan unit atau agihan diisyiharkan, berikutan terbitan pecahan unit dan/atau agihan, NAB seunit akan berkurangan dengan sewajarnya bagi mencerminkan/mengambil kira pecahan unit dan/atau agihan tersebut.

Apabila pecahan unit diisyiharkan, nilai pelaburan dalam sebutan Ringgit Malaysia tidak akan berubah selepas pengagihan unit tambahan.

MAKLUMAT HUBUNGAN**Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut mengenai dana?**

Untuk maklumat berkaitan dana, anda boleh berunding/menghubungi:

- Perunding skim amanah saham yang berdaftar dengan Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM);
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Mutual Berhad di 03-2022 5000; atau
- E-mel kami di customer@publicmutual.com.my.

Siapakah yang perlu saya hubungi untuk membuat aduan?

1. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2022 5000.
2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC):
 - (a) melalui telefon kepada : 03-2282 2280
 - (b) melalui faks kepada : 03-2282 3855
 - (c) melalui e-mel kepada : info@sidrec.com.my
 - (d) melalui surat kepada : Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC)
Unit A-9-1, Level 9, Tower A
Menara UOA Bangsar
No. 5, Jalan Bangsar Utama 1
59000 Kuala Lumpur
3. Anda juga boleh membuat aduan terus kepada SC walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC. Untuk membuat aduan, sila hubungi Pejabat Pengguna & Pelabur SC:
 - (a) melalui telefon kepada Aduan Hotline di : 03-6204 8999
 - (b) melalui faks kepada : 03-6204 8991
 - (c) melalui e-mel kepada : aduan@seccom.com.my
 - (d) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di www.sc.com.my
 - (e) melalui surat kepada : Pejabat Pengguna & Pelabur
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
No. 3, Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur
4. Biro Aduan FIMM:
 - (a) melalui telefon kepada : 03-7890 4242
 - (b) melalui e-mel kepada : complaints@fimm.com.my
 - (c) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di www.fimm.com.my
 - (d) melalui surat kepada : Legal & Regulatory Affairs
Federation of Investment Managers Malaysia
19-06-01, 6th Floor Wisma Tune
No. 19 Lorong Dungun
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur

PHS ini akan dikemaskini pada 31 Disember 2024. Anda boleh merujuk kepada laman web kami di www.publicmutual.com.my untuk PHS yang telah dikemaskini.